

7 senator Amerika minta bicara semula

Anwar

2 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Sekumpulan penggubal undang-undang di Amerika Syarikat mengemukakan resolusi kepada Dewan Perwakilan negara itu meminta Kerajaan Malaysia mengadakan perbincangan baru bagi bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Resolusi itu dikemukakan oleh ahli Dewan Perwakilan Chris Smith dari New Jersey, Ileana Ros-Lehtinen dan Robert Wexler (Florida), Tom Lantos, Dana Rohrabacher dan Ed Royce (California) dan Neil Abercrombie (Hawaii) pada 27 Oktober lalu.

Resolusi yang dirujuk kepada Jawatankuasa Perhubungan Antarabangsa dewan itu, meminta Kerajaan Malaysia mengadakan perbincangan baru yang adil dan telus atau membatalkan semua tuduhan terhadap Anwar.

Baru-baru ini, Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohd Noor, memberitahu akhbar *Straits Times* Singapura bahawa "rakan-rakan Anwar Ibrahim" telah mendapatkan khidmat kumpulan pelobi yang berpangkalan di Washington, untuk mengenakan tekanan terhadap pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.